

Musim banjir kilat mula minggu hadapan

BANJIR kilat dijangka melanda beberapa kawasan di negeri ini mengikut ramalan Jabatan Meteorologi (JMM) akibat masuk musim peralihan monsun yang dijangka bermula minggu hadapan.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersial JMM, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, keadaan angin kencang mendorong cuaca aktif pada sebelah petang ke atas akan berlakunya hujan.

“Sekarang ini kita berada pada penghujung monsun barat daya masuk ke musim peralihan monsun yang akan menerima pertambahan hujan sebelum musim tengkujuh,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, musim monsun timur laut dijangka berlaku pada tempoh paling awal penghujung Oktober ini.

Beliau berkata, cuaca aktif ini juga akan mendorong kepada keadaan ribut petir di beberapa kawasan.

“Untuk dua minggu ini bermula 8 Ogos lalu cuaca aktif dan beberapa negeri di semenanjung akan menerima hujan pada sebelah petang iaitu sekitar jam 2 atau 3 petang ke atas,” katanya.

Beliau berkata, musim peralihan kepada monsun timur laut ini biasanya berlarutan hingga sebulan setengah hingga dua bulan dan akan kerap berlaku banjir kilat.